

Bahagian A

Pilih satu daripada tajuk-tajuk di bawah ini dan tulis karangan yang panjangnya antara 250 hingga 300 patah perkataan. [25 markah]

1. Penggunaan kad kredit bukan lagi dianggap sebagai suatu kemewahan tetapi suatu keperluan masa kini, namun begitu penggunaan kad kredit mempunyai risiko yang tersendiri. Bincangkan.
2. Kebiasaannya Orang Kurang Upaya (OKU) menghadapi masalah dalam menjalani kehidupan seharian. Masalah ini menjadi punca sesetengah majikan enggan mengambil OKU bekerja di organisasi mereka. Bincangkan.

Bahagian B

Pilih satu daripada tajuk-tajuk di bawah ini dan tulis karangan yang panjangnya antara 250 hingga 300 patah perkataan. [25 markah]

3. Hutan merupakan sumber kehidupan yang penting kepada manusia. Namun kemusnahan hutan akan menjejaskan kestabilan ekologi. Bincangkan .
4. Kemajuan sains dan teknologi membolehkan sisa pepejal dimanfaatkan sepenuhnya oleh manusia. Jelaskan kepentingan penggunaan semula sisa pepejal kepada manusia dan alam sekitar.

Bahagian C

Jawab dua soalan sahaja dalam bahagian ini, satu daripada soalan 5 dan satu daripada soalan 6. (20 markah)

- 5 (a) Industri jualan langsung terus menerima keyakinan daripada orang ramai meskipun ketika negara mengharungi kegawatan ekonomi. Disifatkan sebagai 'hebat kegawatan', industri ini nyata dapat menarik minat pelbagai lapisan masyarakat, daripada suri rumah hingga golongan profesional kerana tidak memerlukan pelaburan besar dari segi masa, wang dan kemahiran. Risikonya pula minimum; Namun begitu, perniagaan ini memiliki kelebihan kerana boleh dijalankan secara sambilan...

(Dipetik dan diubahsuaikan daripada
Dewan Ekonomi, Januari 2007)

- (i) Apakah yang dimaksudkan dengan 'hebat kegawatan'?
- (ii) Dengan menggunakan tidak lebih daripada 50 patah perkataan, jelaskan kebaikan-kebaikan industri jualan langsung kepada negara.

ATAU

- 5 (b) "...kewujudan beberapa binaan ulung tempatan serta projek mega di Malaysia nyata boleh dijadikan kebanggaan rakyat negara ini. Hasil daripada usaha sama pihak kerajaan dan organisasi yang dipertanggungjawabkan, beberapa binaan mega telah dapat dijayakan dan hal ini telah membuka mata masyarakat luar sekali gus meletakkan nama negara di mata dunia dalam kebangkitan dunia pembinaan di negara ini."

(Dipetik dan diubahsuai daripada Estidotmy, April 2008)

- (i) Mengapakan pembinaan projek mega boleh dibanggakan?
- (iii) Dengan menggunakan tidak lebih daripada 50 patah perkataan, jelaskan mengapa negara-negara di dunia berlumba-lumba membina projek mega?

DAN

- 6 (a) Pusat Remote Sensing Negara (MACRES) memikul peranan yang cukup besar dan penting kerana pusat ini dipertanggungjawabkan untuk menerima, memproses dan membekalkan data-data berkaitan keadaan muka bumi negara ini. Teknologi penderiaan jauh atau biasa disebut sebagai remote sensing yang menggunakan satelit diaplikasikan oleh MACRES untuk mencerap data-data dengan lebih tepat.

(Estidotmy, *Utusan Malaysia*, 31 Januari 2007)

- (i) Apakah *remote sensing*?
- (ii) Dengan menggunakan tidak lebih daripada 50 patah perkataan, jelaskan kepentingan teknologi penderiaan jauh kepada negara.

ATAU

- 6 (b) "Teknologi nano ialah teknologi berkaitan aktiviti membangun, mengendali, mengukur atau mengubahsuai sesuatu bahan yang saiznya kurang daripada 1 mikron (1 per billion meter). Teknologi ini merupakan bidang sains yang termaju selepas bioteknologi dan berkaitan dengan pembentukan alat atau bahan terbaru berasaskan sains dengan teknologi yang boleh mengubahsuai susunan atom atau molekul..."

(Dipetik dan diubahsuai daripada Estidotmy, Februari 2008)

- (i) Bagaimanakah kaedah teknologi nano diwujudkan?
- (iii) Dengan menggunakan tidak lebih daripada 50 patah perkataan, jelaskan manfaat teknologi nano kepada negara?

Bahagian D

Jawab satu soalan sahaja dalam bahagian ini. Jawapan hendaklah dibuat pada kertas graf. (15 markah)

7. Berdasarkan maklumat yang diberikan dalam petikan di bawah, sediakan graf yang sesuai untuk menunjukkan peratus perubahan bilangan kes kematian dalam kemalangan pelbagai jenis pengguna jalan raya di Malaysia bagi tahun 2006 berbanding tahun 2007.

Kes kemalangan jalanraya kerap mendapat liputan meluas dalam media cetak mahupun media elektronik. Kes kemalangan jalanraya yang menyebabkan kematian semakin membimbangkan di negara ini. Kemalangan jalanraya di negara ini melibatkan pelbagai jenis pengguna jalanraya. Berdasarkan rekod yang dikeluarkan, penunggang motosikal mencatatkan bilangan kes kecederaan dan kematian yang paling tinggi. Pada tahun 2006, sebanyak 5,756 kes kemalangan jalan raya yang dilaporkan melibatkan penunggang motosikal. Daripada jumlah tersebut, 3 286 kes kematian telah dicatatkan. Angka ini bertambah sebanyak 695 kes pada tahun berikutnya. Sementara itu, bilangan kematian yang melibatkan pembonceng motosikal ialah sebanyak 474 kes pada tahun 2007 iaitu kurang 18 kes berbanding tahun sebelumnya.

Pejalan kaki juga seringkali menjadi mangsa dalam kecelakaan jalanraya. Jumlah kemalangan jalan raya yang melibatkan kematian dan kecederaan ialah sebanyak 15,205 kes. Namun begitu, jumlah kematian pejalan kaki yang direkodkan pada tahun 2006 hanya sebanyak 807 kes tetapi pada tahun berikutnya bilangan kematian pejalan kaki yang direkodkan berkurang sebanyak 44 kes. Angka yang dilaporkan banyak melibatkan golongan kanak-kanak dan warga emas.

Pemandu kereta juga banyak menemui ajal di jalanraya. Begitu juga pemandu lori, bas dan teksi, Walau bagaimanapun, bilangan pemandu kereta yang maut dalam kecelakaan jalan raya adalah lebih tinggi berbanding pemandu lori, bas dan teksi. Pada tahun 2006, bilangan kematian yang direkodkan adalah sebanyak 409 kes, iaitu lebihan sebanyak 166 kes berbanding bilangan kematian dalam kalangan pemandu lori, bas dan teksi. Bilangan ini terus meningkat sebanyak 38 kes pada tahun berikutnya sedangkan bilangan kematian pemandu lori, bas dan teksi berkurang menjadi 217 kes pada tahun berikutnya.

Senasib dengan pejalan kaki, penunggang basikal turut menjadi mangsa kemalangan jalanraya. Pada tahun 2006, sebanyak 1,877 kes kemalangan jalanraya yang dilaporkan melibatkan penunggang basikal. Walaupun begitu, daripada jumlah tersebut hanya 603 kes kematian telah dicatatkan. Angka ini merosot kepada 351 kes pada tahun 2007. Sebaliknya, dalam tempoh yang sama pengguna jalan raya selain yang dinyatakan di atas, menunjukkan perkembangan yang mendukacitakan. Pada tahun 2006, sebanyak 746 kes kematian direkodkan berbanding dengan tahun berikutnya yang mencatatkan 864 kes kematian.

(Dipetik dan diubahsuaikan daripada *Buletin Perangkaan Sosial*,
Jabatan Perdana Menteri, 2007)

8. Berdasarkan petikan yang diberi, lukis carta yang sesuai untuk menunjukkan bilangan kenderaan bermotor yang berdaftar di Malaysia bagi tahun 2005 dan 2006.

Pembangunan ekonomi negara telah meningkatkan pendapatan penduduk sekaligus meningkatkan kuasa beli masyarakat. Selaras dengan peningkatan tersebut kemampuan untuk membeli kenderaan juga bertambah. Pada tahun 2006 jumlah kenderaan bermotor yang berdaftar di negara ini ialah 15,790,732 buah telah meningkat daripada 14,816,407 buah pada tahun sebelumnya.

Kenderaan yang paling banyak mengalami peningkatan ialah kereta berjumlah 6,473,261 buah pada tahun 2005. Bilangan ini meningkat sebanyak 468735 buah pada tahun 2006. Peningkatan paling ketara ialah pada jenama tempatan iaitu Proton dan Perodua. Pertambahan juga berlaku pada kereta jenama import khususnya buatan Jepun.

Kenderaan yang paling banyak berada di atas jalan raya ialah motosikal iaitu berjumlah 7,458,128 pada tahun 2006 meningkat sebanyak 450,077 buah berbanding tahun 2005. Bilangan remaja yang ramai dan mempunyai kemampuan untuk membeli motosikal telah meningkatkan bilangan kenderaan berkenaan. Golongan berada yang suka menunggang motosikal berkuasa besar turut menyumbang peningkatan ini.

Perkembangan industri pelancongan dan penambahbaikan dalam sektor pengangkutan awam telah meningkatkan bilangan teksi dan kereta sewa. Walaupun bilangan agak rendah berbanding kenderaan lain, namun wujud peningkatan yang jelas bagi kenderaan ini iaitu 79,130 buah pada tahun 2005 dan bertambah menjadi 82,047 buah pada tahun 2006.

Kecenderungan menggunakan kenderaan awam juga turut meningkatkan penggunaan bas sebagai satu alternatif. Bilangan bas yang berdaftar turut meningkat daripada 57,370 buah pada tahun 2005 kepada 59,991 buah pada tahun 2006. Pertambahan bilangan murid sekolah dan kewujudan syarikat bas baru turut menyumbang kepada pertambahan bilangan bas.

Pertumbuhan ekonomi negara memerlukan jaringan pengangkutan yang lebih baik. Oleh itu, bilangan kenderaan barangan turut bertambah. Syarikat pengangkutan yang sedia ada telah menambah kenderaan masing-masing. Bilangan kenderaan pada tahun 2006 ialah 836,579 buah meningkat sebanyak 31,422 buah berbanding tahun sebelumnya.

Kenderaan-kenderaan lain juga turut meningkat selaras dengan perkembangan ekonomi negara. Peningkatan perdagangan lantaran pertambahan eksport dan import telah meningkatkan bilangan kenderaan dalam kategori kenderaan-kenderaan lain.

(Dipetik dan diubahsuai daripada Buku Maklumat Perangkaan, Jabatan Perangkaan Malaysia, 2007)

Bahagian E

Jawab **satu soalan sahaja** dalam bahagian ini

9. Berdasarkan jadual di bawah, tafsirkan keadaan pencari kerja mengikut kumpulan umur di Malaysia antara tahun 2003 hingga 2006.


Malaysia : Bilangan Pencari Kerja Mengikut Kumpulan Umur,
2003 – 2006

Tahun	Kumpulan Umur (Tahun)				Jumlah (orang)
	15-19	20-24	25-29	30+	
2003	6,796	16,742	4,581	3,589	31,708
2004	5,767	14,765	5,178	3,291	29,001
2005	2,091	14,047	6,356	4,733	27,227
2006	1,989	13,567	6,408	3,864	25,828

(Sumber: Dipetik dan diubahsuaikan daripada
Jabatan Tenaga Kerja Malaysia, 2007)

10. Rajah di bawah menunjukkan faktor-faktor yang mempengaruhi keputusan harga. Berdasarkan rajah, huraikan faktor-faktor yang mempengaruhi keputusan penentuan harga.

Faktor-faktor yang Mempengaruhi Keputusan Penentuan Harga.



(Dipetik dan diubahsuai daripada Prinsip Pemasaran, Kotler & Armstrong, Prentice Hall, 2000)